

14 JAN 1998

PENGGUNAAN TEPUNG DIJANGKA MENINGKAT DI VIETNAM

Oleh: Ghazemy Mahmud

HANOI, 14 Jan (Bernama) -- Penggunaan tepung di Vietnam dijangka meningkat dengan kenaikan dalam kuasa beli penduduk tempatan yang membolehkan mereka membeli pelbagai jenis barangan makanan, kata pengurus besar Vimaflour di Malaysia, Teh Wee Chye hari ini.

"Penggunaan tepung di Vietnam, walaupun rendah ketika ini akan meningkat di masa hadapan sejajar dengan kenaikan dalam Keluaran Negara Kasar (KNK) negara ini," katanya selepas kilang tepung usaha sama Malaysia-Vietnam memulakan pengeluaran secara rasmi di Ha Long City, 120km ke timur laut sini.

Beliau berkata mereka sudah membuat perancangan untuk menggandakan kapasiti pengeluaran kilang itu berikutan jangkaan peningkatan dalam permintaan tepung.

"Bagi Vietnam, pengeluaran tepung adalah industri penggantian import dan Vimaflour memberikan komitmen terhadap pembangunan jangka panjang industri perkilangan tepung di sini," katanya kepada Bernama.

Kompleks kilang tepung bernilai AS\$30 juta (kira-kira RM129 juta) itu terletak di pelabuhan laut dalam Cai Lan di Ha Long City dalam wilayah Huang Ninh yang bersempadan dengan China.

Kompleks kilang tepung Vimaflour itu, adalah projek usaha sama antara Malayan Flour Mills Bhd dengan Northern Food Corporation Vietnam. Malayan Flour Mills memiliki 70 peratus pegangan dalam usaha sama itu.

Terdahulu dalam ucapannya, Duta Malaysia ke Vietnam Datuk Zainal Abidin Mahamad berkata syarikat usaha sama berkenaan menggambarkan faedah bersama yang akan diperolehi daripada kerjasama seumpama itu.

"Ia adalah keadaan di mana kedua-dua kumpulan memperoleh keuntungan," tambahnya.

Sementara itu, pengerusi Vimaflour Chao Thi Hao, berkata kompleks kilang tepung itu adalah yang paling moden di Vietnam.

Beliau berkata terdapat komitmen dalam pemindahan teknologi, latihan sumber manusia dan pelaburan dalam kelengkapan terbaru.

Projek usaha sama itu, tambahnya, adalah satu daripada hasil kejayaan lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Vietnam pada 1992. Memorandum Persefahaman (MOU) dimeterai oleh kedua-dua kumpulan pada September 1992. -- BERNAMA

GHZ ZK OS